

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 4 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L4051
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah aduan LPKP untuk kenderaan awam berfungsi dengan sepenuhnya dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil daripada maklumat orang ramai melalui SMS 39900 dan bebas tol 1800 88 9600.
2. PN-1143-L4242
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi oleh negara dalam pasaran minyak kelapa sawit.
3. PN-1143-L3972
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak daripada tindakan Kerajaan mengurangkan cukai korporat kepada 26% (tahun 2008) dan dijangka akan berkurangan kepada 25% pada tahun 2009 serta penukaran sistem cukai korporat daripada sistem imputasi kepada sistem cukai 'single-tier' terhadap kadar pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara.
4. PN-1143-L3825
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes demam denggi yang berlaku sejak bulan Januari tahun ini mengikut negeri dan usaha Kementerian dalam memerangi wabak berkenaan.
5. PN-1143-L4122
Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kuasa pendakwaan tidak diberikan kembali kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

6. PN-1143-L3777
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapa ramai pelancong asing yang telah melancong ke Malaysia sehingga kini sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
7. PN-1143-L4272
Datuk Soon Tian Szu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kebelakangan ini kita sering digemparkan dengan pembongkaran kes rasuah di kalangan pegawai Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menjalankan tugas dengan lebih tegas dan baik. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi kesedaran kepada kakitangan Kerajaan untuk menjalankan tugas dengan lebih bersih dan amanah memandangkan penyelarasan gaji telah dibuat baru-baru ini.
8. PN-1143-L3712
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jenis barangan makanan yang diimport dari luar negeri terutama sekali dari Negara China yang dikenal pasti mempunyai bahan pencemaran yang boleh membahayakan kesihatan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan barangan tersebut tidak akan masuk ke pasaran negara.
9. PN-1143-L4492
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan isu skim pembelian oleh jabatan-jabatan Kerajaan daripada pembekal yang ditetapkan/dilantik memandangkan ianya menyebabkan perbezaan harga yang amat ketara berbanding pembelian yang dibuat terus daripada luar.
10. PN-1143-L4448
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tahap perbincangan dan rundingan perjanjian perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada masa ini, dan sama ada perjanjian ini akan ditandatangani kerana terdapat elemen desakan oleh Amerika Syarikat yang menguntungkan mereka.
11. PN-1143-L4310
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk menyedarkan syarikat-syarikat yang mempunyai kakitangan wanita supaya mempunyai dasar yang lebih mesra demi untuk mencapai keseimbangan antara keperluan kerjaya dan keluarga bersesuaian dengan saranan YAB. Timbalan Perdana Menteri dalam Sidang Kemuncak Wanita 2007 yang lalu.

12. PN-1143-L4067
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah kadar inflasi negara kini dan apakah tindakan segera Kerajaan dalam usaha mengawal kenaikan harga barang supaya tidak membebankan rakyat.
13. PN-1143-L4218
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana penyelarasan dan strategi yang akan diambil bagi memastikan jumlah pengangguran sebanyak hampir 75,000 di pelbagai peringkat kelulusan dapat diatasi sebelum peningkatan pengangguran terus berlaku pada tahun-tahun mendatang.
14. PN-1143-L3781
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan peluang-peluang bagi warga emas bagi terus menyumbang bakti kepada masyarakat.
15. PN-1143-L4090
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penubuhan PEMUDAH telah berjaya mempercepatkan pemprosesan lesen perniagaan dan pelbagai urusan Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Kenapa masih terdapat aduan mengenai kelewatan pihak PBT dan Pejabat Daerah yang tidak mencerminkan kesungguhan pihak Kerajaan.
16. PN-1143-L3827
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan setakat manakah kejayaan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dalam usaha memelihara kepentingan pengguna sejak tahun 1993.
17. PN-1143-L4301
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan salah satu rangkaian jalan raya yang terbaik di dunia dan ditambah dengan syarikat-syarikat Malaysia yang mula mengorak langkah ke arah memasarkan kepakaran mereka ke luar negara, adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah institut untuk menjalankan penyelidikan dalam kejuruteraan jalan raya.
18. PN-1143-L3731
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan pertubuhan belia yang telah memperolehi peruntukan atau geran bantuan dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan dalam masa 3 tahun kebelakangan ini.

19. PN-1143-L4430
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah program yang akan dilaksanakan Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar, dengan melakukan penyediaan prasarana asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
20. PN-1143-L3829
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengetatkan syarat-syarat ke atas peniaga pengumpul besi-besi buruk yang dicuri.
21. PN-1143-L3693
Datuk Chew Vun Ming minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kakitangan awam telah dinaikkan gaji, namun demikian produktiviti mereka tidak meningkat malah ada yang mengatakan perkhidmatan awam semakin teruk. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini daripada terus berleluasa.
22. PN-1143-L4233
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejak kebelakangan ini semua barang keperluan telah dinaikkan harga dengan mendadak tanpa dapat dibendung oleh Kerajaan. Baik dari segi makanan mahupun barang-barang lain umpamanya bahan binaan. Apakah langkah kawalan yang diambil oleh Kementerian dan adakah ianya berkesan.
23. PN-1143-L3725
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan agar projek ECER sampai ke akar umbi, sebagai contoh projek penanaman pokok herba secara ladang, biarlah KESEDAR sebagai agensi pelaksana yang membekalkan benih kepada kumpulan pekebun kecil dan membeli hasil yang telah dituai dengan tidak mengusahakan 1000 ekar ladang herba secara sendirian tanpa melibatkan pekebun kecil.
24. PN-1143-L3806
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha dan persediaan awal Kerajaan dalam menangani masalah kenaikan harga minyak mentah sekarang dan perubahan bentuk subsidi minyak dan diesel pada tahun hadapan.
25. PN-1143-L4002
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang perkembangan Koridor Pembangunan Sabah dan perisian atau jenis-jenis pembangunan yang akan dilaksanakan.

26. PN-1143-L4355
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pendirian Bank Negara Malaysia (BNM) terhadap semua institusi perbankan tempatan supaya berhenti daripada membuat rujukan kepada khidmat agensi rujukan kredit, Credit Tip Off Service Sdn Bhd (CTOS).
27. PN-1143-L3875
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) hingga kini berapa ramaikah di antara petani kita, pekebun dan nelayan yang telah menjadi jutawan; dan
 - (b) sekiranya tiada, apakah puncanya.
28. PN-1143-L4057
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pembelajaran agama Sekolah-sekolah Rendah Agama di Wilayah Persekutuan perlu diteruskan jika Program J-QAF di sekolah rendah dilanjutkan masa dan diperluaskan setaraf dengan kurikulum Sekolah Rendah Agama di bawah JAWI.
29. PN-1143-L4405
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor yang telah memperkukuhkan aliran yang menggalakkan ekonomi sehingga memberi kesan positif terhadap pergerakan Indeks Komposit Bursa Malaysia yang telah melebihi 1,400 mata.
30. PN-1143-L3764
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian menetapkan yuran sekolah yang sepatutnya dikutip oleh sekolah pada permulaan sesi persekolahan pada tahun hadapan.
31. PN-1143-L3935
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik mengikut kaum dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pembuangan bayi di negara kita dalam masa 3 tahun ini serta apakah tindakan Kementerian untuk memelihara nasib anak-anak gadis yang belum bersedia untuk menjadi ibu tetapi 'terpaksa' menerima status tersebut.

32. PN-1143-L3922
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pemberian Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) untuk satu kenaikan gaji itu masih meletakkan gaji mereka rendah berbanding rakan mereka dari golongan PPPLD yang tidak mempunyai ijazah walaupun mereka mempunyai jarak pengalaman mengajar yang sama. Adakah Kerajaan akan membuat penilaian atau keputusan baru mengenainya.
33. PN-1143-L4151
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan belia yang tercicir sebelum mengambil Peperiksaan SPM mengikut kaum dan apakah rancangan dan kursus Kementerian yang dirancang atau sedang dirancang untuk golongan ini.
34. PN-1143-L4150
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan akibat daripada kenaikan harga minyak, jumlah wang ringgit untuk subsidi dan juga keuntungan hasil daripada kenaikan tersebut, apakah skim baru subsidi minyak dan pada keseluruhannya, kenaikan harga minyak di arena global menguntungkan atau merugikan Malaysia.
35. PN-1143-L3810
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah akses kepada program-program latihan dan program-program latihan semula, terutamanya di bidang ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) sedia ada bagi kakitangan wanita yang memasuki semula sektor pekerjaan di perkhidmatan awam selepas mengambil cuti menjaga anak (tanpa gaji) sehingga maksimum lima tahun, untuk memastikan bahawa mereka dapat mengekalkan kemahiran yang paling terkini terutamanya di bidang ICT apabila kembali bertugas kelak.
36. PN-1143-L4197
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan cara-cara yang paling baik untuk memelihara hubungan baik di antara Indonesia-Malaysia yang kelihatan baik dan mesra itu terganggu dan tiba-tiba tegang.
37. PN-1143-L3983
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja ladang yang diberhentikan supaya kebajikan mereka adalah selalu terpelihara dan sentiasa terlibat dalam arus pembangunan perdana.

38. PN-1143-L4326
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk tindakan yang akan dikenakan terhadap golongan rakyat yang melibatkan diri di dalam apa jua perhimpunan haram yang menjatuhkan imej aman Malaysia malah mencemar kedaulatan institusi Kerajaan Berparlimen negara kerana penglibatan di dalam agenda politik pihak yang tidak bertanggungjawab.
39. PN-1143-L3773
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat ini apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian untuk menggalakkan masyarakat tampil sebagai penderma organ atau jantung agar dapat menyelamatkan mereka yang memerlukannya.
40. PN-1143-L3974
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan inisiatif yang akan diambil bagi memperkukuhkan lagi sistem pendidikan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ini menjadi lebih maju setelah tiada satu pun universiti tempatan yang tersenarai di dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia yang dinilai oleh Times Higher Education Supplement (THES) pada tahun ini. Pada tahun lepas, Universiti Kebangsaan Malaysia menduduki tangga 185 dan Universiti Malaya di kedudukan 192.
41. PN-1143-L4458
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk pembangunan dan kemajuan yang diharapkan menerusi pelantikan Pesuruhjaya Sukan, memandangkan buat masa ini, pelantikannya lebih menjurus kepada menangani masalah pengurusan persatuan dan bukannya terhadap perancangan jangka panjang pembangunan sukan di Malaysia.
42. PN-1143-L3867
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kesan ketara dalam pelaksanaan program KIA2M, Kurikulum Asli dan Penan (KAP) dan Sekolah Kluster dan apakah langkah-langkah penambahbaikan profesionalisme guru-guru yang berkenaan.
43. PN-1143-L3877
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah segera dan jangka panjang yang diambil bagi meningkatkan kualiti pendidikan universiti-universiti tempatan yang telah terkeluar dari senarai 200 universiti terbaik di dunia dalam usaha Kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan.
44. PN-1143-L4365
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peratus tanah rizab Melayu yang bakal terlibat di dalam Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

45. PN-1143-L4237
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah dan tindakan yang diambil untuk menggalakkan pengeluaran tenaga mampan (renewable energy producers).
46. PN-1143-L4211
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes kecuaiian pembedahan yang berlaku di hospital-hospital Kerajaan sepanjang tahun 2007. Apakah bentuk pampasan yang diberikan dan berapa ramai kakitangan yang telah dikenakan tindakan.
47. PN-1143-L4257
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penerbangan MAS yang terlewat bagi penerbangan dalam negeri dan antarabangsa bagi Januari hingga Disember 2006 dan Januari hingga September 2007.
48. PN-1143-L3842
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah kontraktor dan usahawan-usahawan Orang Asli yang berwibawa dan apakah langkah-langkah pembangunan yang lebih holistik dalam memperkasakan usahawan-usahawan dan kontraktor ini.
49. PN-1143-L4193
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa harga satu liter petrol dan diesel kalau subsidi tidak diberikan dan sebagai perbandingan berapakah harga barangan yang sama di negara-negara Asean.
50. PN-1143-L4285
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan obesiti di negara ini kian kritikal terutama di kalangan remaja dan kanak-kanak disebabkan pengambilan makanan segera secara berlebihan serta kekurangan senaman. Sekiranya tabiat ini berterusan, mereka mungkin diserang penyakit seperti diabetes, darah tinggi serta penyakit lain. Adakah Kementerian bercadang mengadakan pemeriksaan medikal secara percuma ke atas remaja/murid sekolah untuk mendapat rawatan awal sekiranya diserang penyakit sebelum menjadi lebih parah.
51. PN-1143-L4190
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap majikan yang mengambil pekerja asing di sektor yang tidak dibenarkan seperti stesen minyak. Nyatakan jenis-jenis pekerjaan dan jumlah pekerja asing yang terlibat.

52. PN-1143-L4390
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan industri akuakultur di negara ini memandangkan harga udang beku di pasaran antarabangsa telah meningkat tinggi.
53. PN-1143-L3799
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang dalam menangani masalah banjir pendedahan dari benua Afrika yang difahamkan mengambil kesempatan di atas kelonggaran VOA (Visa On Arrival) dan tidak pulang ke negara asal selepas tamat tempoh VOA.
54. PN-1143-L4204
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan cara-cara yang berkesan untuk mendapat maklum balas mengenai isu-isu tertentu selain daripada temu bual dan undian sms yang dikelolakan oleh RTM.
55. PN-1143-L4175
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan kos dan kesusahan yang dialami oleh pengusaha teksi dan kenderaan pengangkutan awam yang lain setiap kali berlaku perubahan struktur tambang pengangkutan awam.
56. PN-1143-L4083
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju dengan dakwaan bahawa pinjaman PTPTN adalah berunsur riba kerana faedah di kompaun secara bulanan. Apakah tindakan Kerajaan untuk menjadikan pinjaman PTPTN sebagai pinjaman yang berasaskan syariah dan tidak berunsur riba.
57. PN-1143-L4462
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sama ada hasrat mulia Kementerian untuk menghidupkan kembali kegemilangan kesenian asli dan budaya negara dalam berbagai bidang dihayati dan disokong masyarakat dan bagaimana penghayatan ini dapat ditingkatkan berhadapan dengan banjir budaya yang diimport yang mencemari sopan dan budaya bangsa.
58. PN-1143-L4348
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana seriusnya masalah polarisasi kaum di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara.

59. PN-1143-L4472
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan terdapat tanggapan bahawa program Tahun Melawat Malaysia 2007 telah gagal mencapai matlamatnya dari aspek kemasukan pelancong asing dan pembabitian usahawan tempatan di dalam penjanaaan ekonomi yang berasaskan produk dan aktiviti pelancongan, apakah ini benar dan apakah kedudukan terkini program ini.
60. PN-1143-L4112
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rasionalnya langkah Kementerian menukarkan bentuk pembotolan dan pembungkusan ubatan untuk ubat cecair dan biji yang dijual di farmasi dan klinik sehingga terpaksa menaikkan harga ubat mulai tahun depan, hingga membebankan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah.
61. PN-1143-L4128
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sehingga kini, berapa banyak pemandu yang mengutip mata maksimum mengikut Sistem Demerit yang telah dikenakan tindakan undang-undang dan termasuk mereka yang telah digantung lesen memandu.
62. PN-1143-L4475
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Sukuk Antarabangsa akan menjadi kenyataan dan sama ada kita berkemampuan bersaing dengan London yang juga mempunyai matlamat yang sama serta memandangkan yang ianya masih menjadi tumpuan pemegang modal dan pelabur dari Timur Tengah.
63. PN-1143-L3846
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah pro aktif dan berkala yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing dan memaksimumkan gaji bagi memperkukuhkan daya dan minat guna tenaga rakyat tempatan.
64. PN-1143-L4416
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah agihan bekalan buku teks percuma mencukupi kepada 5.7 juta pelajar di seluruh negara bagi sesi persekolahan 2008.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 38/2007) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”**. [3 Disember 2007]

(Menteri Kewangan)

2. PN-1143-U4231
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.168	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	4 Disember 2007
ST.175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	4 Disember 2007
ST.176	Kertas Statut 95 Tahun 1980 Elaun dan Keistimewaan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	4 Disember 2007
ST.177	Kertas Statut 102 Tahun 1980 Elaun dan Keistimewaan bagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	4 Disember 2007
ST.197	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	4 Disember 2007
ST.217	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	4 Disember 2007
ST.218	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	4 Disember 2007